

Kerja naik taraf Dataran Banting

Pentas berbumbung akan dibina untuk keselesaan



Dataran Banting sedang dalam proses naik taraf dan kerja menyiapkan pentas berbumbung sedang giat dijalankan.

BANTING - Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) sedang melaksanakan Cadangan Pembangunan Dataran Banting fasa keempat setelah berjaya melalui tiga fasa yang terdahulu.

Yang Dipertua MDKL, Mohamad Zain A Hamid berkata, kepelbagaian kemudahan dan keperluan penduduk di daerah itu antara matlamat yang diutamakan MDKL selaras dengan kemajuan dan kepesatan pembangunan di daerah Kuala Langat.

Menurutnya, beliau mengakui kemajuan dan kepesatan pembangunan dilihat mampu menarik lebih ramai pengunjung datang ke daerah ini selain penganjuran pelbagai acara.

"Bagi memenuhi hasrat penduduk setempat dan mengambil kira pelbagai pandangan dan pendapat, MDKL meneruskan projek menaik taraf Dataran Banting melalui fasa keempat dengan pelbagai elemen dan kemudahan pengguna dibina.

"Antaranya, pembinaan sebuah pentas berbumbung, 300 meter persegi termasuk laluan trek jogging dan pembinaan perparitan sepanjang 45 meter," katanya sambil memberitahu, beliau menganggarkan pembinaan

INFO • Anggaran pembinaan kemudahan melibatkan kos bernilai hampir RM400,000

kemudahan itu bernilai hampir RM400,000.

Jelasnya, kerja-kerja naik taraf adalah bagi kemudahan penduduk di daerah ini selain beri kelainan kepada orang ramai yang berkunjung bersama keluarga atau rakan.

"Satu ketika dulu dataran ini dikunjungi golongan dewasa dan muda bagi melakukan riadah kasut roda dan papan selaju."

"Kini dataran tersebut turut mendapat perhatian peserta zumba dengan mengadakan latihan mereka di waktu malam dan jelas menunjukkan dengan kepelbagaian kemudahan dan prasarana yang dibina oleh MDKL di dataran tersebut tidak sia-sia selain kawasan tersebut merupakan satu-satunya dataran yang sangat menarik di daerah ini," katanya.

Selain itu, MDKL sentiasa berusaha dengan pelbagai perancangan pembangunan bagi memastikan daerah Kuala Langat berjaya mencapai taraf Majlis



Satu ketika dahulu dataran ini dikunjungi golongan dewasa dan muda bagi melakukan riadah kasut roda dan papan selaju. - Mohamad Zain

Perbandaran suatu hari nanti.

Beliau turut berharap penduduk dapat menggunakan segala kemudahan yang disediakan selain mengingatkan pengunjung Dataran Banting menjauhi serta tidak memasuki kawasan pembinaan bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diinginkan berlaku.

Sarapan tanda sayang kepada calon SPM

TELOK DATOK - Tiada apa yang hendak diharapkan selain melihat calon-calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Methodist, Telok Datok dapat menjawab peperiksaan dengan tenang dan selesa.

Demikian luahan Pengetua SMK Methodist Telok Datok, Alias Abdul Ghani, apabila melihat kesungguhan unit kaunseling sekolahnya bersama-sama pentadbir, guru, ibu bapa menyediakan sarapan pagi untuk 254 pelajar yang menduduki SPM bermula semalam.

Menurutnya, mereka dihidangkan dengan roti disapu seri kaya bersama minuman coklat yang dikendalikan unit kaunseling melalui tajaan ibu bapa dan guru-guru.

"Sarapan ini sebagai tanda sayang kepada pelajar oleh gurdan komuniti Menengah English School (MES). Bagi saya, murid perlu bersarapan untuk mendapatkan tenaga sepanjang menjawab soalan peperiksaan selain dapat menjawab soalan dengan baik," katanya sempena Program Sarapan Pagi Untuk Anak Didik Calon SPM 2017 SMK Methodist Telok Datok.

Alias berkata, paling menarik pelajar yang terdiri daripada pembimbingkan sebaya dalam kalangan pelajar Tingkatan 4 dan 3 turut serta membantu menyediakan sarapan berkenaan sebelum diberikan kepada calon



Unit Kaunseling SMK Methodist menyediakan roti disapu seri kaya serta minuman coklat untuk diagihkan kepada calon SPM.



Sebahagian calon SPM mendapatkan roti yang disediakan sebelum memasuki dewan peperiksaan.

SPM.

Menurutnya, pada tahun ini seramai 254 calon SPM di dua pusat di sekolahnya menduduki peperiksaan SPM.

"Sebenarnya idea ini daripada pengetua yang baru sebulan di sekolah ini, iaitu J Sangeetajit Kaur dan dilaksanakan oleh saya bersama unit kaunseling diketuai oleh Liew Mei Woon.

"Bahan sarapan pula, ditaja oleh ibu bapa, guru dan bekas pelajar melalui sumbangan seperti minuman coklat, susu manis, seri kaya dan mentega. Manakala wang derma akan digunakan untuk membeli roti setiap hari," katanya.

Tambahnya, dia akan menyediakan sarapan sepanjang hari peperiksaan SPM berlangsung di sekolahnya.



KLIK KENDURI DURIAN Peminat bola sepak berkumpul di pekarangan rumah Ibu Pengerusi Majlis Belia Daerah Kuala Langat, Hafez Shuriddin (enam, kiri) di Jalan Masjid Kancong Darat menyaksikan perlawanan akhir Piala Malaysia JDT bertemu Kedah menerusi paparan skrin besar, Sabtu lalu. Lebih menarik, Hafez turut menyajikan durian pada malam tersebut sambil memberikan sokongan kepada pasukan bertanding.